

Baiki pencemaran teruk

di Selat Johor

Oleh HATA WAHAIRI

UM 17 FEB 2003

PETALING JAYA 16 Feb. — Pembinaan Projek Gerbang Selatan Bersepadu untuk menggantikan Tambak Johor di sebelah Malaysia yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Jumaat lepas di Johor Bahru dapat memperbaiki pencemaran teruk di Selat Johor.

Pengarah Urusan Gerbang Perdana Sdn. Bhd., (Gerbang Perdana), Datuk Yahya A. Jalil berkata, kajian alam sekitar yang dijalankan oleh syarikat perunding mendapati dengan menggantikan Tambak Johor dengan jambatan akan membolehkan air pasang surut dan ombak membersihkan Selat Johor daripada pencemaran secara semula jadi.

Menurut beliau, pembinaan jambatan itu juga akan membolehkan air di Selat Johor mengalir, sekali gus meningkatkan kualiti air.

"Peningkatan kualiti air ini akan membolehkan kehidupan laut umpamanya ikan membiak seperti sedia kala.

"Ia juga akan membolehkan kawasan pantai sepanjang Selat Johor diperbaiki," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Yahya berkata, kesan positif dari segi alam sekitar projek Gerbang Selatan Bersepadu itu merupakan beberapa faedah yang

lorong pejalan kaki di samping landasan kereta api.

Ia juga mempunyai laluan kapal setinggi 75 meter dengan keluasan 18 meter yang membolehkan bot-bot kecil melalui Selat Johor.

Yahya berkata, beliau terkilan kerana cadangan Gerbang Perdana untuk membina jambatan itu ditolak oleh Singapura.

"Ia merupakan projek yang memberi manfaat kepada kedua-dua buah negara baik dari segi alam sekitar dan ekonomi," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Jumaat lepas berkata, rancangan pembinaan jambatan bergerak itu sudah dimaklumkan kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew pada satu perbincangan antara mereka tidak lama dulu.

Bagaimanapun, selepas itu, katanya, beliau diberitahu oleh Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong tidak menyetujuinya kerana Chok Tong mempunyai nostalgia tentang Tambak Johor.

Yahya memberitahu, kerja-kerja membuat kajian oleh syarikat perunding yang dilantik oleh Gerbang Perdana telah dilakukan pada tahun 1997.

"Gerbang Perdana menggunakan 16 syarikat perunding untuk membuat kajian dalam pelbagai bidang seperti alam sekitar, kesan ekonomi, lalu lintas dan tanah.

"Kesemua kajian itu me-

nunjukkan bahawa projek Gerbang Selatan Bersepadu memberi kesan yang baik katanya," katanya.

Menurut Yahya, kajian lalu lintas menunjukkan peningkatan kenderaan di Tambak Johor sebanyak 10 peratus setiap tahun.

Yahya berkata, pada masa ini sebanyak 160,000 kenderaan melalui Tambak Johor setiap hari.

"Pelaksanaan Gerbang Selatan Bersepadu ini akan menyelesaikan masalah kesesakan di Tambak Johor dan bandar raya Johor Bahru pada masa ini.

"Ia juga akan dapat meningkatkan lagi rangkaian lebuhraya di negara ini dengan menyambungkan dengan Lebuhraya Utara-Selatan serta melengkapkan rangkaian lebuhraya Johor Bahru, Senai, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang," katanya.

Beliau berkata, dari segi pelancongan, ia akan membolehkan rakyat kedua-dua negara melancong dengan lebih selesa.

Di samping itu menurut Yahya, pembinaan Gerbang Selatan Bersepadu dengan ketinggian 25 meter membolehkan kapal-kapal layar kecil melalui Selat Johor sekali gus meningkatkan aktiviti pelayaran yang boleh menjadi produk pelancongan baru kedua-dua negara.

"Ia akan membolehkan industri maritim dipertingkatkan di kedua-dua negara," katanya.

Berkaitan dengan pembinaan Gerbang Selatan

dapat dinikmati oleh Malaysia dan Singapura.

Beliau memberitahu, sekiranya Singapura menerima cadangan Malaysia untuk menggantikan Tambak Johor dengan jambatan bergerak sepanjang satu kilometer, masalah pencemaran di Selat Johor dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat.

Gerbang Perdana yang merupakan syarikat pemaju projek berkenaan telah mengemukakan cadangan pembinaan jambatan bergerak yang dinamakan Gerbang Antarabangsa Selatan menghubungkan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang baru dengan CIQ Singapura di Woodlands.

Jambatan 44 meter lebar itu menggunakan konsep sayap burung mempunyai enam lorong, dua lorong motosikal dan dua

Bersepadu beliau berkata, pembinaan dibahagikan kepada tiga bahagian utama.

"Bahagian pertama yang membabitkan pembinaan sambungan dengan Tambak Johor di sebelah Singapura sepanjang 500

meter telah dimulakan pada 26 Januari lepas.

"Bahagian kedua melibatkan jambatan kabel sepanjang 428 meter dan bahagian ketiga melibatkan sambungan dari jambatan kabel ke pusat CIQ sepanjang 470 meter akan

dimulakan dalam tempoh terdekat ini," katanya.

Yahya memberitahu, pembinaan CIQ baru telah dimulakan pada November tahun lepas.

Beliau memberitahu, Tambak Johor sebelah Malaysia tidak akan diroboh-

kan semasa pembinaan Gerbang Selatan Bersepadu dijalankan nanti.

Katanya, Tambak Johor sebelah Malaysia akan dirobohkan setelah Gerbang Selatan Bersepadu dibuka kepada orang ramai dijangka pada tahun 2005.